

Aplikasi Kaedah Pentafsiran Ayat *Mutashabihat* dalam Tafsir Melayu

Norsyafiaah Thoifur¹, Mohd Faizulamri Mohd Saad² & Wan Nasyrudin Wan Abdullah³

Email: ¹norsyaf91@gmail.com, ²faizam@ukm.edu.my, ³tokwedin@ukm.edu.my

¹ Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

^{2&3}Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

Abstrak

Para ulama tafsir terdahulu telah banyak mentafsirkan ayat *Mutashabihat*. Beberapa kaedah pentafsiran telah digunakan dalam mentafsirkan ayat *Mutashabihat* mengikut pelbagai mazhab iaitu mazhab ulama golongan Ahli Sunnah, Mushabbihah, Mujassimah, Muktazilah dan Rawafid. Perbahasan ayat *Mutashabihat* juga banyak dibahaskan dalam tafsir-tafsir Melayu. Oleh itu, kajian ini mempunyai signifikansi yang tinggi untuk mengenal pasti kaedah pentafsiran ulama tafsir yang terdahulu mempengaruhi pentafsiran di dalam kitab tafsir Melayu pada masa kini sekaligus mengetengahkan kitab-kitab tafsir Melayu pada masa kini yang dihasilkan oleh pengarang Melayu. Kaedah analisis kandungan terhadap beberapa kitab tafsir Melayu telah digunakan bagi mendapatkan data dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian membuktikan bahawa aplikasi tafsir ayat *Mutashabihat* dalam kitab tafsir Melayu adalah bertepatan dengan kaedah yang digunakan di dalam tafsir-tafsir muktabar seperti *Tafsir al-Jalalain*, *Tafsir Ibnu Kathir*, dan lain-lain lagi. Implikasinya dapat memudahkan dan membantu masyarakat Melayu memahami tafsiran ayat *Mutashabihat*.

Kata Kunci: *Ayat Mutashabihat, Tafsir Melayu, Kaedah Pentafsiran*

Application of *Mutashabihat* Verse of Interpreting Method in Malay Tafsir

Abstract

The earliest tafsir scholars have many interpretations of the *Mutashabihat* verses. Some methods of interpretation have been used in interpreting the *Mutashabihat* verses in various sects namely the Sunni scholars, Mushabbihah, Mujassimah, Muktazilah and Rawafid. The argument of *Mutashabihat* verses is also widely debated in Malay tafsir. Therefore, this study has a high significance to identify the interpretation method of interpretation ulama that previously influenced the interpretation in the Malay texts of the present day thus highlighting the present Malay tafsir books produced by Malay authors. The content analysis method of several Malay tafsir books has been used to obtain data and descriptively analyzed. The results of the study prove that the application of the *Mutashabihat* verses in the Malay tafsir is in line with the methods used in the supernatural interpretations such as *tafsir al-Jalalain*, *Ibn Kathir tafsir*, and so on. Its implication can help and facilitate the Malay community to understand the interpretation of the *Mutashabihat* verse.

Keywords: *Mutashabihat verse, Malay Tafsir, Tafsir Method*

1. Pengenalan

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan pembimbing bagi manusia. Maka umat Islam dituntut untuk memahami ayat-ayat al-Quran. Tambahan pula, al-Quran adalah sumber rujukan utama umat Islam dalam kehidupan seharian. Kandungannya memberikan petunjuk dan hidayah yang kekal dan terpelihara dari sebarang kecacatan dan perubahan. Walau bagaimanapun, tidak semua umat Islam boleh memahami al-Quran secara langsung dari nasNya, sekalipun dalam kalangan Arab kerana bahasa yang digunakan di dalam al-Quran adalah bahasa Arab yang tinggi. Kemampuan yang khusus diperlukan untuk memahaminya (al-Qattan 2009). Imam al-Zarkasyi (1972) mengatakan bahawa munculnya ilmu tafsir untuk memahami al-Quran yang diturunkan kepada Nabi SAW bagi menjelaskan makna-maknanya, menyimpulkan hikmah dan hukum-hukumNya. Ayat-ayat yang diturunkan oleh Allah SWT terdapat dalam dua bentuk iaitu ayat-ayat *Muhkamat* dan *Mutashabihat*. Penjelasan mengenai ayat-ayat *Muhkamat* dan *Mutashabihat* adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 7:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ مِنْهُ إِلَيْتُ مُحَكَّمٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَبِ وَآخَرُ مُتَشَبِّهُتُ

(al-Quran, Surah ali- Imran 3: 7)

Maksudnya:

Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat *Muhkamat* (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat *Muhkamat* itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran dan yang lain lagi ialah ayat-ayat *Mutashabihat* (yang samar-samar, tidak terang maksudnya).

Menurut Subhi al-Salih (1968), ayat ini telah menyatakan bahawa ayat *Muhkam* adalah imbangan bagi ayat *Mutashabih*. Manakala al-Suyuti (2003) telah berkata bahawa Allah SWT telah menjelaskan bahawa ayat al-Quran terbahagi kepada dua bentuk iaitu ayat-ayat *Muhkamat* dan *Mutashabihat*. Terdapat pelbagai pendapat ulama yang mendefinisikan ayat-ayat *Muhkamat* mahupun *Mutashabihat*. Perbincangan hanya memfokuskan terhadap perbahasan ayat-ayat *Mutashabihat*.

2. Definisi Ayat-Ayat *Mutashabihat*

Terdapat banyak definisi dan tafsiran berkenaan ayat-ayat *Mutashabihat*. Secara etimologinya, menurut Ibnu al-Manzur (1311) dalam kamus Lisan al-Arab, *Mutashabihat* adalah perumpamaan yang menyerupai sesuatu. Manna' al-Qatan (1973) pula mendefinisikan *Mutashabihat* dari sudut bahasa bererti *tasyabuh* (تشابه) iaitu serupa atau sama. Kemudian A.Faroqi (2016) berkata bahawa kalimah *Mutashabihat* dalam bahasa Arab sama maksudnya dengan kalimah *mumathalah* (مماثلة) yang bererti serupa atau sama di antara satu dengan yang lain. Imam al-Alusi dalam kitab tafsir *Ruh al-Ma'ani* (1415) mendefinisikan ayat *Mutashabihat* adalah ayat yang mungkin membawa kepada beberapa makna yang sukar untuk dibezaikan dengan sebahagian yang lain. Makna yang tepat hanya diperolehi daripada penelitian yang lebih mendalam. Kesamaran makna yang terdapat dalam ayat *Mutashabihat* disebabkan pelbagai makna dalam satu ayat tersebut dan penjelasan ayat itu terlalu umum. Seterusnya, ulama ahli bahasa menggunakan lafadz *Mutashabihat* untuk makna kesamaran atau persamaan yang menunjukkan kepada keserupaan. Contohnya pada kalimah *tashabuh* (تشابه) atau *ishtibahan* (اشتبهان), keduanya bermaksud saling menyerupai antara satu sama lain sehingga keduanya sama bentuk dan sukar untuk dibezaikan (Abdul Djalal 2000).

Manakala, secara terminologinya menurut al-Zarqani (2001), terdapat banyak perselisihan ulama pada makna *Mutashabih*. Di antaranya pendapat mazhab Hanafi yang mengatakan *Mutashabihat* ialah ayat yang tersembunyi maknanya dan tidak diketahui maknanya baik secara 'aqli mahupun naqli. Menurut pendapat mazhab Ahli Sunnah pula, *Mutashabihat* ialah ayat-ayat yang hanya Allah SWT yang mengetahui maksudnya seperti datangnya hari kiamat, keluarnya Dajjal, dan huruf-huruf *muqatta'ah* di awal surah. Pendapat dari Ibnu Abbas dan ulama fiqh mengatakan *Mutashabihat* ialah ayat-ayat yang mengandungi banyak makna takwil.

Seterusnya Imam al-Suyuti telah mengumpulkan pendapat-pendapat mengenai definisi *Mutashabihat* dalam kitabnya al-Itqan Fi Ulum al-Quran (2003). Antaranya, *Mutashabihat* adalah ayat yang diketahui Allah SWT seperti terjadinya hari kiamat, keluarnya Dajjal, dan huruf-huruf *muqatta'ah* pada awal surah. Terdapat pendapat mengatakan *Mutashabihat* maknanya bertentangan dengan makna *Muhkam* iaitu ayat yang tidak jelas maknanya. *Mutashabihat* juga ayat yang mengandungi banyak makna dan pengertian. Selain itu, *Mutashabihat* adalah ayat yang tidak dapat difahami dengan akal yang cetek. *Mutashabihat* juga adalah ayat yang perlu kepada penjelasan berbanding ayat yang *Muhkam*. Seterusnya, *Mutashabihat* adalah ayat yang memiliki makna lain di samping makna zahir. Ayat *Mutashabihat* berulang-ulang lafadznya, berbeza dengan ayat *Muhkam*. *Mutashabihat* adalah ayat yang tidak jelas maknanya seperti kisah-kisah dan perumpamaan-perumpamaan.

Manna' al-Qatan (1973) berpendapat bahawa ayat *Mutashabihat* maknanya hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja dan memerlukan penjelasan dengan merujuk ayat-ayat lain. Walau bagaimanapun, banyak lagi perbahasan dan pendapat ulama mengenai definisi ayat *Mutashabihat* iaitu maknanya hampir sama serta mempunyai kesamaran pada maknanya. Allah SWT sahaja yang mengetahui maknanya dan memerlukan kepada penelitian ayat yang lain bagi memahami ayat *Mutashabih*. Menurut Fakhr al-Din al-Razi (2005), sebahagian ulama berpendapat ayat *Mutashabihat* ini tidak dapat diketahui oleh manusia dan hanya Allah SWT yang mengetahui maknanya. Manakala menurut Mujahid iaitu ulama tafsir dari kalangan tabiin, beliau berpendapat bahawa makna ayat *Mutashabihat* dapat diketahui oleh orang tertentu yang mendalam ilmunya (Manna' al-Qatan 1973). Wahbah al-Zuhayli (2001) berpendapat ayat *Mutashabihat* adalah ungkapan yang mengandungi makna yang tidak zahir. Pengertiannya tidak jelas disebabkan percanggahan di antara lafadz yang zahir dan makna yang dikehendaki, dan ianya perkara yang hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja.

Para ulama mazhab kini memahami ayat-ayat *Mutashabihat* sebagai ayat-ayat yang berbicara tentang

asma' Allah dan sifat-sifat-Nya berlandaskan kepada kata dan makna sastera. Sementara al-Ghazali melihat bahawa ayat-ayat *Mutashabihat* adalah ayat-ayat yang secara literalistik menggambarkan bahawa Tuhan mempunyai sifat-sifat jasmaniyyah. Ayat-ayat tersebut meliputi zat Allah SWT seperti bertangan, berwajah, bermata, dan mengambil tempat seperti di atas, di sebelah, dan sebagainya (Husein Aziz 2012).

Berdasarkan pendapat para ulama, dapat disimpulkan makna ayat *Mutashabihat* secara etimologinya adalah hampir sama di antara ulama iaitu ayat yang hampir sama dan serupa, sukar dibezaan, dan hanya Allah SWT yang mengetahui maksudnya. Manakala, secara terminologinya para ulama mengatakan ayat ini adalah ayat yang mempunyai kesamaran dan memerlukan kepada penelitian dan kajian oleh orang yang mempunyai ilmu yang mendalam.

3. Bentuk-bentuk Ayat-ayat *Mutashabihat*

Menurut al-Zarqani (2001), ayat-ayat *Mutashabihat* yang terdapat di dalam al-Quran adalah disebabkan tiga perkara iaitu kesamaran pada lafaznya, kesamaran pada maknanya, dan kesamaran pada lafaz dan maknanya. Kesamaran pada lafaz terdapat dalam dua keadaan iaitu kesamaran pada lafaz mufrad dan kesamaran pada lafaz murakkab. Kesamaran yang berlaku pada lafaz yang mufrad adalah kerana lafaz ini tidak jelas maknanya disebabkan lafaznya yang asing atau mempunyai makna berganda. Manakala, kesamaran yang berlaku pada lafaz murakkab disebabkan maknanya yang terlalu ringkas atau terlalu luas.

Contoh kesamaran lafaz pada lafaz mufrad iaitu pada ayat 31 Surah Abasa, (وَفِكْهَةُ وَأَبَا). Kalimah أَبَا ini tidak banyak di dalam al-Quran sehingga dianggap asing dan kalimah ini bererti rerumput. Ayat selepasnya menjadi penjelasan kepada kalimah tersebut, iaitu مَنْعَلًا لَكُمْ وَلَا تَعْمِلُمْ yang bermaksud untuk kesenangan kamu dan binatang-binatang ternakanmu.

Selain itu, kesamaran yang berlaku pada makna contohnya adalah semua yang terdapat dalam al-Quran dan perihal tentang Allah SWT, keadaan hari kiamat, nikmat syurga, dan azab neraka. Akal fikiran manusia tidak akan mampu menjangkau tentang semua perkara ini sehingga ditakwilkan maknanya. Contohnya pada surah al-Fath ayat 10, (يَٰ إِلَهُ الْفَوْقَ أَيْدِيهِمْ) yang bermaksud 'tangan Allah di atas tangan mereka'. Makna ayat ini diserahkan kepada Allah SWT. Al-Zarqani (2001) mengatakan semua manusia tidak mengetahui makna ayat ini kecuali Allah SWT.

Ayat *Mutashabihat* yang berlaku pada kesamaran lafaz dan maknanya adalah seperti di dalam ayat 189 surah al-Baqarah,

...وَلَيْسَ اللَّهُ بِإِنْ تَأْتُوا الْبَيْتَ مِنْ ظَهُورٍ هَا...

(al-Quran Surah al-Baqarah 2: 189)

Maksudnya:

Dan kebajikan itu bukanlah memasuki rumah-rumah dari belakangnya, tetapi kebajikan itu ialah kebajikan orang-orang yang bertakwa.

Berdasarkan ayat di atas, orang yang tidak memahami adat istiadat bangsa Arab pada zaman jahiliah tidak akan memahami maksud ayat tersebut. Kesamaran dalam ayat tersebut terjadi pada lafaznya kerana terlalu ringkas. Selain itu, kesamaran yang berlaku pada maknanya adalah kerana adat kebiasaan tersebut khusus kepada orang Arab yang tidak diketahui oleh bangsa-bangsa lain. Maksud ayat ini ialah beberapa orang Ansar yang berihram untuk menuaikan haji atau umrah, mereka tidak akan memasuki pintu rumahnya. Sekiranya dia seorang penduduk kota, dia akan menggali lubang di belakang rumahnya dan pergerakan keluar masuk berlaku di sini. Sekiranya dia seorang Badwi, dia akan keluar dari belakang rumahnya (al-Zarqani, 2001). Ayat ini hanya diketahui maksudnya melalui penelitian dan pengkajian.

Al-Raghib al-Asfahani (t.t) membahagikan ayat *Mutashabihat* kepada tiga bentuk. Pertama, tiada jalan untuk mengetahui maknanya seperti hari kiamat, keluarnya dajjal dan sebagainya. Kedua, makna ayat yang boleh difahami dan diketahui seperti lafaz-lafaz yang *gharib* (ganjil), lafaz-lafaz yang mufrad dan murakkab. Ketiga, makna ayat hanya diketahui oleh ulama tertentu yang mendalam ilmunya.

Kesimpulannya, terdapat dua pendapat ulama membicarakan mengenai bentuk-bentuk ayat *Mutashabihat*. Kedua-dua pendapat adalah hampir sama, hanya pengolahan ayat yang agak berbeza di antara al-Zarqani dan al-Asfahani. Al-Zarqani membahagikan bentuk ayat *Mutashabihat* kepada perbezaan lafaz dan makna, manakala al-Asfahani membahagikan ayat *Mutashabihat* kepada makna ayat sahaja tanpa menyentuh lafaz.

4. Kaedah Pentafsiran Ayat *Mutashabihat*

Ibnu Kathir (1998) dan al-Qattan (1973) berpendapat bahawa ayat-ayat *Mutashabihat* merangkumi ayat-ayat sifat, huruf-huruf *muqatta'ah*, hari kiamat, dan lain-lain lagi. Subhi al-Salih (1968) berpandangan bahawa terdapat dua mazhab dalam kalangan ulama terhadap pentafsiran ayat-ayat *Mutashabihat* sifat-sifat Allah SWT iaitu mazhab Salaf dan mazhab Khalaf. Mazhab Salaf adalah para ulama dalam kalangan generasi yang hidup dalam lingkungan kurun tiga Hijrah. Mereka mempercayai dan meyakini ayat *Mutashabihat* sifat dan menyerahkan maknanya kepada Allah SWT. Mereka disebut sebagai mazhab Ithbat wa Tafwid. Manakala mazhab Khalaf pula adalah para ulama dalam kalangan generasi berikutnya iaitu selepas Salaf. Mereka mentakwilkan lafaz yang mana makna zahirnya mustahil dengan makna yang sesuai bagi zat Allah SWT. Mereka disebut mazhab Ithbat wa Takwil.

Walaubagaimanapun, keharusan mentakwil ayat-ayat *Mutashabihat* memerlukan kepada beberapa syarat penting agar kesucian nas al-Quran dan hadis berkaitan sifat Allah SWT tetap terpelihara. Antara syarat yang dimaksudkan ialah pentakwil merupakan ulama pakar dan mahir dalam bahasa Arab, manakala nas yang ingin ditakwil hendaklah bukan daripada nas yang sudah jelas maknanya, di samping makna zahir nas pula jika dipakai akan bertentangan dengan akidah ketuhanan yang disepakati dalam Islam, serta perlu ada bukti kukuh yang membenarkan pentakwil tersebut (al-Zuhaili 1986). Oleh itu, sebarang takwil yang tidak selari dengan syarat-syarat yang ditetapkan ini adalah ditolak dan tidak termasuk dalam kategori takwil yang diterima oleh Ahli Sunnah. Syarat-syarat tersebut dikemukakan bagi membezakan di antara metode takwilan Ahli Sunnah dengan metode takwilan aliran-aliran bidaah lain.

Imam Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyum mengatakan ayat *Mutashabihat* ditafsirkan dengan makna zahirnya, tidak perlu ditakwilkan dan tidak perlu dianggap maknanya terserah kepada Allah SWT kerana dengan makna zahir ayat sudah dapat memahami ayat itu mengikut kehendak Allah SWT. Kita menerima zahir ayat, namun jangan sesekali menyamakan sifat yang disebut dalam ayat *Mutashabihat* itu dengan sifat manusia atau makhluk lain. Nama atau sebutan kebetulannya sama, namun kaifiatnya berbeza antara Allah dan makhluk. Maka apabila al-Quran menyebutkan “Tangan Allah”, menurut pandangan ketiga ini, Allah sememangnya bertangan (kerana Allah menyebutnya), namun jangan kita menggambarkan tangan Allah itu seperti tangan makhluk. Tangan Allah itu adalah sifat-Nya, bukan anggota-Nya sebagaimana tangan makhluk. Mazhab ini dinamakan dengan mazhab Ithbat wa Tanzih.

Menurut al-Zarqani (2001) pula, terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama terhadap pentafsiran ayat-ayat *Mutashabihat*. Ianya terbahagi kepada tiga mazhab. Mazhab pertama dan kedua adalah sama seperti pendapat daripada Subhi al-Salih iaitu mazhab Salaf dan mazhab Khalaf. Manakala mazhab yang ketiga adalah mazhab al-Mutawasitin, sebagaimana dikemukakan oleh al-Suyuti bahawa Ibn Daqiq al-I'd mengemukakan pendapat yang bercanggah daripada kedua mazhab di atas. Ibn Daqiq al-I'd berpendapat bahawa, jika takwil itu dekat dari bahasa Arab maka tidak dinafikan kesahihanya, atau jika takwil itu jauh dari bahasa Arab maka kita tawaqquf (tidak memutuskannya). Maknanya diyakini menurut cara yang dimaksudkan serta mensucikan Allah SWT dari sesuatu yang tidak layak bagi-Nya. Ini jelas menunjukkan bahawa mazhab ketiga ini mengambil jalan tengah dari kedua kelompok di atas, iaitu apabila takwil itu dekat kepada bahasa Arab maknanya tidak boleh ditolak dan apabila jauh maka kita harus menjauhkan diri darinya dan kita beriman serta meyakini ayat tersebut untuk mensucikan sifat Allah SWT dari penyerupaan-Nya dengan makhluk.

Kesimpulannya, terdapat perbezaan kaedah pentafsiran ayat-ayat *Mutashabihat* di antara ulama. Subhi al-Salih memberikan dua kaedah pentafsiran iaitu berdasarkan mazhab ulama Salaf dan Khalaf, sedangkan al-Zarqani berbeza sedikit daripada beliau dengan mengemukakan tiga mazhab. Dua daripadanya adalah sepertimana Subhi al-Salih dan ditambah dengan mazhab al-Mutawasittin. Al-Baihaqi telah menambah satu lagi mazhab dalam mentafsirkan ayat-ayat *Mutashabihat* iaitu mazhab Salafiyah. Di antara persamaan dalam mazhab Salaf, Khalaf dan Salafiyah ialah ketiga-tiganya menerima ayat-ayat *Mutashabihat* dan sepakat menafikan penyerupaan Allah dengan makhluk. Manakala, perbezaannya adalah dalam memahami kehendak ayat tersebut dan menentukan mana yang paling dekat dengan kehendak Allah samada mentakwilannya, menyerahkan maknanya kepada Allah atau menggunakan makna zahir tetapi berserta penyucian dari persamaan. Walau bagaimanapun, kaedah pentafsiran mazhab Ahli Sunnah dan Salafiyah adalah sama iaitu dengan menggunakan kaedah tafwid ulama Salaf dan takwil ulama Khalaf.

5. Aplikasi Kaedah Pentafsiran Ayat *Mutashabihat* dalam Tafsir Melayu

Menurut Ismail Yusof (1995), kitab-kitab tafsir Melayu yang dapat dikesan dikategorikan kepada lima bentuk iaitu lengkap 30 juzuk, tafsir surah-surah tertentu sahaja, tafsir juzuk-juzuk tertentu sahaja, tafsir bertajuk (*maudhu'i*), dan tulisan dalam bentuk manuskrip. Siti Wahidah Mustapa (2017) menemui sebanyak 66 karya

tafsir yang dihasilkan oleh ulama dan cendekiawan Islam di Malaysia. Semua kitab tafsir ini mempunyai perbahasan dalam mentafsirkan ayat-ayat Mutashabihat mengikut kaedah pentafsiran ulama terdahulu sama ada daripada golongan Ahli Sunnah, Mushabbiyah, Mujassimah, Muktazilah dan Rawafid.

5.1 Metode Tafwid

Pentafsiran ayat-ayat Mutashabihat dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan pada dua lafaz iaitu ‘al-Nafs’ (النفس) dalam surah ali-Imran dan lafaz ‘al-Yad’ (اليد) dalam surah al-Maidah.

a) Ayat 28 surah ali-Imran:

... وَيُحِبِّرُكُمْ أَلَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى أَلَّهِ الْمَصِيرُ ٢٨
(al-Quran, Surah ali Imran 3: 28)

Maksudnya:

Dan Allah memerintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diri-Nya.

b) Ayat 64 surah al-Maidah:

... وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَدُ أَلَّهِ مَعْلُولٌ
(al-Quran, Surah al-Maidah 5: 64)

Maksudnya:

Dan orang-orang Yahudi itu berkata: “tangan Allah terbelenggu (bakhil-kikir)”.

Muhammad Sa’id Umar (2017: 18) telah mentafsirkan kalimah نَفْسَهُ dalam ayat 28 surah Ali-Imran dengan diri-Nya bahawa murka Ia atas kamu. Beliau telah mentafsirkan makna diri-Nya dengan tafsiran kaedah Salaf tetapi ditambah tafsiran selepasnya yang menerangkan ayat diri-Nya itu bahawa Ia murka atas kamu. Muhammad Sa’id Umar (2017: 162) juga mentafsirkan ayat 64 surah al-Maidah iaitu pada ayat يَدُ أَلَّهِ dengan tangan Allah terbelenggu dengan rantai dan tergenggam daripada mengeluarkan rezeki, kinayah daripada bakhil, tidak terbuka tangan dengan murah rezeki. Tafsiran ini menunjukkan kepada kaedah tafsiran Salaf iaitu beliau menyerahkan makna dengan makna asalnya (tangan) tanpa mentakwilannya tetapi beliau menjelaskan kesamaran ayat dengan penerangan tafsiran selepas ayat tersebut.

Terdapat dua ayat yang menggunakan kaedah ulama Salaf dalam perbahasan ayat-ayat Mutashabihat dalam kitab tafsir Melayu. Di antara kitab-kitab tafsir Melayu yang telah diteliti, hanya kitab tafsir Nur al-Ihsan yang membahaskan ayat Mutashabihat dengan menggunakan kaedah ulama Salaf iaitu pada lafaz iaitu ‘al-Nafs’ (النفس) dalam surah ali-Imran dan lafaz ‘al-Yad’ (اليد) dalam surah al-Maidah.

5.2 Metode Takwil

Pentafsiran ayat-ayat Mutashabihat dalam kitab-kitab tafsir Melayu yang menggunakan kaedah ulama Khalaf dalam perbahasannya:

a) Ayat 115 surah al-Baqarah:

وَلِلَّهِ الْمَشْرُقُ وَالْمَغْرِبُ فَإِنَّمَا تُؤْلِوْا فَتَمَّ وَجْهُ أَلَّهِ إِنَّ أَلَّهَ وَسِعٌ عَلَيْهِ ١١٥
(al-Quran, Surah al-Baqarah 2: 115)

Maksudnya:

Dan Allah jua lah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredhui Allah. Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatnya dan limpah kurnia-Nya) lagi sentiasa mengetahui.

Muhammad Sa’id Umar (2017: 68) di dalam kitab tafsirnya, tafsir Nur al-Ihsan mentafsirkan وجه الله معنى موجهاً بهما بالغواة والعنسي بريدون وجهه... dengan kiblat Allah pada ayat 115 surah al-Baqarah. Ini menunjukkan beliau menggunakan kaedah pentafsiran ulama Khalaf iaitu mentakwilkan ayat Mutashabihat dengan makna wajah kepada kiblat. Muhammad Sa’id telah menggunakan kedua-dua kaedah pentafsiran ayat Mutashabihat iaitu daripada kaedah ulama Salaf dan juga Khalaf. Metode Muhammad Sa’id terhadap ayat-ayat al-Quran dalam Tafsir Nur al-Ihsan banyak dipengaruhi dengan metode yang diterapkan di dalam kitab Tafsir al-Jalalain (Saifuddin Asyari, 2010). Pengarang tafsir al-Jalalain lebih kepada pentafsiran ulama al-Asya’irah yang mengambil kedua-dua kaedah pentafsiran (Wan Mohd Nasir, Muhammad Yusuf et al, 2011).

b) Berdasarkan ayat 28 surah al-Kahfi:

وَأَصْبِرْ نَسْكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَوَّةِ وَالْعَنْسِيِّ بُرِيدُونَ وَجْهَهُ...
(al-Quran, Surah al-Kahfi 18: 28)

Maksudnya:

Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadah kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredhaan Allah semata-mata.

Abdul Hadi Awang (2013) dalam kitab tafsir Surah al-Kahfi telah mentakwilkan kalimah wajah-Nya (وجهه) dengan keredhaan-Nya. Tafsiran ini dapat dirujuk berdasarkan kaedah tafsiran ulama Khalaf iaitu mentakwilkan ayat *Mutashabihat* tersebut. Menurut Haziyah Hussin (2017), Abdul Hadi Awang mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berpandukan kepada ayat-ayat yang mentafsirkannya, hadis-hadis Rasulullah SAW, tafsir ulama Salaf dan Khalaf di samping mengaitkannya dengan beberapa isu semasa yang dihadapi oleh umat zaman kini. Penulis hanya mendapati contoh daripada kaedah takwil sahaja kerana kitab tafsir ini hanya tertumpu kepada tafsiran surah al-Kahfi.

c) Ayat 148 surah al-Baqarah:

وَلِكُلِّ وَجْهٍ هُوَ مُوَلِّيهَا فَإِنْتُقُوا الْخَيْرَاتِ
... (al-Quran, Surah al-Baqarah 2: 148)

Maksudnya:

Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya, oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan.

d) Ayat 1 surah al-Mulk:

تَبَرَّكَ الَّذِي بَيْدَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۚ
(al-Quran, Surah al-Mulk 67: 1)

Maksudnya:

Maha berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah ia amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Menurut Abdul Hayei Abdul Sukor (2010) dalam kitab tafsir Pedoman Muttaqin, beliau mentafsirkan dengan kiblat. Manakala, dalam ayat بَيْدَهُ beliau mentafsirkan dengan kekuasaannya (2010). Jelas menunjukkan bahawa beliau mentafsirkan ayat-ayat *Mutashabihat* dengan kaedah ulama Khalaf iaitu mentakwilkan maknanya dengan yang layak bagi-Nya. Abdul Hayei tidak menghasilkan tafsiran 30 juzuk al-Quran, tetapi hanya juzuk-juzuk tertentu sahaja.

e) Berdasarkan ayat 22 surah al-Fajr:

وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفَّا صَفَّا ۖ ۲۲
(al-Quran, Surah al-Fajr 89: 22)

Maksudnya:

Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah).

f) Ayat 20 surah al-Lail:

إِلَّا ابْتَغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ إِلَّا عَلَىٰ ۖ ۲۰
(al-Quran, Surah al-Lail 92: 20)

Maksudnya:

Hanyalah ia mengharapkan keredhaan Tuhan yang Maha Tinggi.

Wan Mohd Nasir, Muhammad Yusuf et. al (2011) dalam kitab tafsir Nurul Furqan: Juzuk Amma telah mentafsirkan حَمَاءً dengan takwilan perintah-Nya. Manakala, pada ayat وَجْهٍ beliau mentafsirkan wajah dengan keredhaan. Kedua-dua tafsiran ini menjurus kepada pentafsiran dengan kaedah takwil ayat tersebut. Para penulis daripada kitab tafsir ini merujuk kepada kitab tafsir al-Jalalain. Al-Jalalain memuatkan tafsiran-tafsiran berdasarkan ulama akidah al-Asya'irah terutamanya dalam mentafsirkan ayat-ayat *Mutashabihat* di mana dengan menggunakan dua kaedah iaitu tafwid dan takwil daripada ulama Salaf dan juga Khalaf. Walau bagaimanapun, bagi contoh tafsiran ulama Salaf, tidak dijumpai di dalam kitab tafsir Nurul Furqan ini kerana kitab ini hanya fokus kepada tafsiran juz amma sahaja.

Manakala, Syed Abdillah Ahmad Aljufri (2001) dalam kitab tafsir Pelita Al-Quran (Juz Amma) mentafsirkan **جَاءَ** dengan perintah-Nya. Manakala, ayat **وَجْهٌ** ditafsirkan dengan keredhaan (Syed Abdillah Ahmad Aljufri 2001). Pentafsir menggunakan kaedah tafsiran Khalaf di dalam kedua-dua ayat ini. Berdasarkan kedua-dua kitab tafsir ini, Syed Abdillah dan Wan Mohd Nasir telah mentafsirkan lafaz **وَجْهٌ** dengan **جَاءَ** dengan menggunakan kaedah ulama Khalaf iaitu dengan makna perintah dan keredhaan.

Berdasarkan perbahasan ayat-ayat *Mutashabihat* dalam kitab-kitab tafsir Melayu tersebut, Muhammad Sa'id Umar menggunakan kaedah tafwid iaitu mentafsirkan kalimah **بِيَدِ** dengan tafsiran tangan Allah serta menyerahkan maknanya kepadanya serta kalimah **نَفْسَهُ** dengan tafsiran diri-Nya. Hanya dua kalimah ini yang digunakan oleh pentafsir dengan kaedah ulama Salaf. Ini menunjukkan bahawa Sa'id Umar mempunyai kelainan dalam mentafsir ayat-ayat *Mutashabihat* berbanding pentafsir Melayu yang lain iaitu banyak menggunakan kaedah pentafsiran Khalaf berbanding Salaf. Kesemua kitab tafsir Melayu mentafsirkan ayat-ayat *Mutashabihat* dengan kaedah ulama Khalaf kecuali pada dua lafaz iaitu ‘al-Nafs’ (النفس) dalam surah ali-Imran dan lafaz ‘al-Yad’ (اليد) dalam surah al-Maidah dalam kitab tafsir Nur al-Ihsan iaitu menyerahkan makna hanya kepada Allah SWT.

Pentafsiran kitab-kitab tafsir Melayu banyak dipengaruhi dengan kaedah tafsiran ulama Khalaf iaitu kaedah takwilan berbanding kaedah tafwid iaitu menyerahkan makna hanya yang layak bagi-Nya. Bagi pentafsiran lafaz **الوجه** ditakwilkan dengan makna kiblat dan keredhaan, **الإِسْتِوَاءُ** dengan makna menguasai, **بِيَدِهِ** dengan makna kekuasaannya, dan **جَاءَ** dengan takwilan perintahnya. Kitab-kitab tafsir ini banyak dipengaruhi dengan pentafsiran aliran ulama al-Asyairah iaitu melalui kaedah tafwid dan takwil.

Di antara pentafsiran secara takwilan oleh para pentafsir yang terdahulu adalah seperti (Al-Qurtubi 2006, Al-Razi 1981) yang mentafsirkan lafaz ‘al-Yad’ (اليد) dengan makna kekuasaan dan kekuatan Allah. Pada lafaz **الوجه** ditakwil sebagai wujud dan zat Allah SWT (Al-Qurtubi 2006), manakala Al-Asqalani (2001) mentakwilkan sebagai mencari keredhaan Allah SWT dari amalan soleh. Manakala **الإِسْتِوَاءُ** (الإِسْتِوَاءُ) ditakwil sebagai pertolongan daripada Allah SWT (Ibn Qutaybah 1995). Pada lafaz **جَاءَ** ditakwil sebagai datangnya pahala dari Tuhan (Ibn Kathir 1998). Imam Ibn Jarir Al-Tabari (2005) mentakwilkan **الإِسْتِوَاءُ** sebagai memiliki dan menguasai, bukan bergerak dan berpindah dan Ibn Hazm (1996) mentakwilkan sebagai perbuatan menyempurnakan penciptaan yang dilakukan oleh Allah SWT di Arasy.

Kesimpulannya, kitab tafsir Melayu kebanyakannya adalah terjemahan pentafsir Melayu terhadap kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti kitab tafsir Ibnu Kathir, tafsir al-Qurtubi, tafsir al-Jalalain, dan lain-lain lagi. Justeru, kaedah pentafsiran ayat *Mutashabihat* para ulama terdahulu tidak banyak perbezaan dengan kaedah tafsiran pentafsir pada masa kini.

6. Kesimpulan

Pentafsiran ayat-ayat *Mutashabihat* amat penting bagi mengelakkan salah faham dalam kalangan masyarakat dengan kesamaran ayat tersebut. Ulama tafsir terdahulu telah mentafsirkan ayat-ayat *Mutashabihat* dengan kaedah yang telah disepakati berdasarkan kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti Tafsir al-Jalalain, Tafsir Ibnu Kathir dan lain-lain lagi. Kesinambungan pentafsiran ayat *Mutashabihat* ini diteruskan dengan munculnya kitab-kitab tafsir Melayu bagi memudahkan masyarakat masa kini memahami pentafsiran ayat-ayat *Mutashabihat*. Tambahan pula, kitab-kitab tafsir muktabar juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu hasil usaha ulama pada masa kini bagi memudahkan masyarakat Melayu memahami pentafsiran ayat-ayat al-Quran umumnya dan ayat-ayat *Mutashabihat* khususnya. Justeru, kajian ini telah membuktikan bahawa kitab-kitab tafsir yang muktabar mempengaruhi pentafsiran kitab tafsir Melayu dengan kaedah ulama Salaf dan Khalaf yang telah diaplikasikan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- A.Faroqi. 2016. *Analisis Ayat-Ayat Mutasyabihat Tafsir al-Munir Karya Wahbah Az-Zuhaili*. UIN. Skripsi.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2010. *Pedoman Muttaqin* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abdul Rauf al-Singkeli. 1951. *Tarjuman al-Mustafid*. Singapura: Maktabah Sulaiman Mar'i.
- Al-‘Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. 2001. *Fath Al-Bari*. Tahqiq: ‘Abd Al-Qadir Syaibah Al-Hamad. Riyad: Maktabah Al-Malik.
- Al-Qurtubi, Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar. 2006. *Al-Jami’ Al-Ahkam Al-Quran*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.

- Al-Razi, Fakh Al-Din Muhammad bin ‘Umar. 1981. *Al-Tafsir Al-Kabir*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Tabari, Abi Ja’far Muhammad bin Jarir. 2005. *Tafsir Al-Tabari Jami’ Al-Bayan ‘an Ta’wil ai Al-Quran*. Tahqiq: Ahmad ‘Abd Al-Razaq Al-Bakri et al. Egypt: Dar Al-Salam.
- Al-Zarqani, Muhammad ‘Abd Al-‘Azim. 1945. *Manahil al-Irfan Fi Ulum al-Quran*. Mesir: Dar Ibnu Hazam.
- Dr. Mohamad Al-Zahabi. 1995. *al-Tafsir wa al-Mufasirun*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Haziyah Hussin. 2017. *Sumbangan Tuan Guru Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang dalam Peradaban Tafsir di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Hj. Abdul Hadi Awang. 2013. *Tafsir Surah Al-Kahfi*. Kuala Lumpur: Aisyah Humaira Publication.
- Husein Aziz. 2012. *Pemahaman Ayat-Ayat Mutashabbihah Perspektif Bahasa*. IAIN Sunan Ampel Surabaya.
- Ibn Hazm, Abi Muhammad ‘Ali bin Ahmad. 1996. *Al-Fashl fi Al-Milal wa Al-Ahwa’ Al-Nihal*. Tahqiq: Muhammad Ibrahim Nasr & ‘Abd Al-Rahman ‘Umyarah. Beirut: Dar Al-Jil.
- Ibn Kathir, Abi Al-Fida’ Isma’il bin ‘Umar bin Kathir. 1998. *Al-Bidayah wa Al-Nihayah*. Egypt: Dar Hijr.
- Ibn Qutaybah, Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Muslim. 1995. *Ta’wil Mukhtalif Al-Hadith*. Tahqiq: Muhammad ‘Abd Al-Rahman. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ismail Yusoff. 1995. *Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-Kitab Tafsir di Malaysia*. Jurnal Islamiyyat 16. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Jalaluddin al-Suyuti. 2013. *Al-Itqan Fi Ulum al-Quran*. Jilid 2. Lubnan: Risalah Publisher.
- Manna’ al-Qattan. 1973. *Mabahis Fi Ulum al-Quran*. Riyadh: Mansyurat al-Ashr al-Hadis.
- Muhammad Sa’id Umar. 2017. *Tafsir Nur Al-Ihsan*. Jilid 1 & Jilid 2. Bangi: Ukm Cetak Sdn. Bhd.
- Prof. Dr. H. Abdul Djalal H.A. 2000. *Ulumul Qur'an*. Surabaya: JI. Karang Menur.
- Saifuddin Asyari. 2010. *Metode dan Corak Penafsiran Al-Quran Muhamad Sais Umar dalam Tafsir Nur Al-Ihsan serta Implementasinya dalam Penafsiran*. Disertasi Sarjana Universitas Islam
- Siti Wahidah Mustapa. 2017. *Corak Penulisan Tafsir di Malaysia Abad Ke-21 (2001-2015)*. Jurnal al-Turath, Vol. 2, No. 1. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Subhi al-Salih. 1968. *Mabahis Fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Ilmi li al-Malayin.
- Syed Abdillah Ahmad Aljufri. 2001. *Pelita Al-Quran (Juz Amma)*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Wahbah al-Zuhaili. 1991. *Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Wan Mohd Nasir, Muhammad Yusuf et al (Unit Terjemahan Telaga Biru). 2011. *Nurul Furqan : Juzuk ‘Amma*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.